

Digital Perak, Nityo jalin kerjasama tambah baik aplikasi S.M.A.R.T Niaga@Perak

Utama Amirul Rabbani Rashid November 17, 2023

IPOH – Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) menjalin kerjasama dengan sebuah syarikat pembekal perkhidmatan dan solusi teknologi, Nityo Infotech Services Sdn. Bhd. (Nityo) bagi mentransformasikan aplikasi S.M.A.R.T Niaga@Perak menjadi platform e-dagang yang lengkap.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, melalui usaha itu Nityo akan membimbing 200 usahawan perusahaan industri kecil dan sederhana (PKS) dalam aplikasi berkenaan tanpa melibatkan sebarang kos daripada kerajaan negeri mahupun usahawan berkenaan.



Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) antara Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak Corporation Holdings, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir (dua,kiri) dan Country Head Nityo Infotech Services Sdn. Bhd, Rajasekhar Gummadi (dua,kanan) di Hotel Casuarina@Meru. Foto ABDULLAH YUSOF, 17 NOVEMBER 2023.

"Penggunaan platform e-dagang 'Shopmatic' yang disediakan oleh Nityo bakal melonjakkan usahawan ke tahap yang lebih tinggi.

"Malah ia berpotensi untuk menembusi pasaran antarabangsa sejajar dengan agenda Perak Sejahtera 2030 di bawah program Flagship Ekonomi Digital.

"Inisiatif ini mempercepatkan ketersediaan Perak mengadaptasi teknologi yang mendorong pertumbuhan inovasi baharu.

"Selain itu, ia juga membuka ruang untuk agensi kerajaan, pihak swasta dan usahawan dalam mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara Digital Perak dengan Nityo di Hotel Casuarina Meru, dekat sini, pada Jumaat.

Ia disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir dengan Country Head Nityo, Rajasekhar Gummadi.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Perak, Mohd Azlan Helmi Helmi serta Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK) Datuk Redza Ra q Abdul Razak.



Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman antara Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak Corporation Holdings, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir dan Country Head Nityo Infotech Services Sdn. Bhd, Rajasekhar Gummadi di Hotel Casuarina@Meru. Foto ABDULLAH YUSOF, 17 N 2023.

Selain itu, Saarani berkata, kerjasama strategik itu akan diperluaskan bagi membantu beribu-ri melaksanakan transformasi pendigitalan perniagaan mereka.



Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad pada sidang media Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dengan Nityo Infotech Services Sdn. Bhd. (Nityo) di Hotel Casuarina@Meru. Foto ABDULLAH YUSOF, 17 NOVEMBER 2023.

“200 PKS terawal ini sudah ada aplikasi dan produknya dikenali di peringkat domestik dan antarabangsa sebagai pengenalan kepada pelancong-pelancong.

“Ia juga memberi motivasi kepada usahawan lain. Selain menyediakan produk yang menarik, mereka mesti bersedia untuk bersaing dalam platform e-dagang,” katanya.

Sementara itu, Rajasekhar ketika ditemui berkata MoU berkenaan adalah inisiatif yang julung kali bagi pihaknya dalam menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak.

“Masih ramai peniaga PKS yang masih tidak terlalu mengaplikasikan teknik perniagaan secara atas talian di Perak, dan melalui program ini, kami mahu membantu mereka berjaya dalam kaedah perniagaan digital ini,” ujarnya.

Nityo yang beribu pejabat di New Jersey, Amerika Syarikat dan telah ditubuhkan pada tahun 2006.

Antara perniagaan teras Nityo adalah seperti penyumberluaran aplikasi pengurusan, pakej perkhidmatan aplikasi, pengurusan infrastruktur jauh, pembangunan produk dan sokongan kepada perkhidmatan nilai tambah tinggi seperti kejuruteraan produk serta platform terurus.-MG Perak